

## *Pendekatan IPCK Dalam Kemahiran Bertutur*

**Nailul Shakhira Mohd Rusli**

nailul\_shakhira\_mohd\_rusli@schools.gov.sg

**Siti Asnah Basir**

siti\_asnah\_basir@schools.gov.sg

**Sekolah Menengah Guanyang**

### *Abstrak*

Kemahiran bertutur merupakan salah satu kemahiran bahasa yang asas dan penting dalam pembelajaran bahasa Melayu. Pelajar didapati tidak dapat menyusun idea-idea mereka dengan teratur dan sistematik semasa menjawab soalan lisan sehingga menyebabkan jawapan yang diberi tidak begitu memuaskan. Kajian ini dijalankan untuk meneliti keberkesanan pendekatan IPCK (Isi Utama, Penjelasan, Contoh, Kesan) dalam membantu pelajar menyusun idea mereka dalam perbualan lisan. Kajian ini melibatkan pelajar Menengah 2 dari aliran Ekspres, Normal Akademik dan Normal Teknikal. Pendekatan IPCK ini diperkenalkan dan diajarkan secara eksplisit di dalam bilik darjah. Secara keseluruhan, pendekatan IPCK terbukti dapat membantu memberikan struktur yang teratur dan sistematik kepada pelajar dalam penyusunan idea-idea mereka bagi menjawab soalan lisan dengan yakin.

Kata Kunci: kemahiran bertutur, menyusun idea-idea, teratur dan sistematik, rasa yakin diri

## **PENGENALAN**

Sebagai seorang guru, kita selalu meletakkan pelajar sebagai tumpuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Ini telah dinyatakan dalam salah satu daripada tiga komponen utama Amalan Pengajaran Singapura (STP) iaitu Falsafah Kurikulum Singapura. Selain itu, STP menerangkan tentang amalan-amalan pedagogi yang digunakan untuk semua mata pelajaran dan peringkat. Dalam kajian ini, pengkaji menekankan proses pengajaran penyediaan pelajaran yang mana pengkaji menggunakan Aspek Pengajaran (AP) Mengambil Kira Profil Pelajar dan memilih pertimbangan yang sesuai.

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran bertutur pelajar khususnya dalam memberikan respons secara teratur dan sistematik. Pengkaji memilih untuk menerapkan pendekatan IPCK bagi membantu pelajar menyusun idea dalam lisan. Berdasarkan dapatan daripada pemantauan guru, pelajar didapati menghadapi masalah menyusun idea-idea mereka semasa memberi respons dalam komponen lisan. Idea yang ingin disampaikan bercelaru, tiada kesinambungan dan tidak relevan dengan perbualan mereka.

Oleh itu, pelajar telah diperkenalkan kepada pendekatan IPCK (Isi Utama, Penjelasan, Contoh, Kesan) yang akan mereka gunakan untuk menyusun idea sebelum memberikan respons pada topik perbualan mereka. Pendekatan ini merupakan perancah yang membimbing pelajar untuk mengembangkan isi secara teratur dan berstruktur.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah 2011, hasil pembelajaran umum bagi kemahiran bertutur mengharapakan pelajar dapat bertutur dengan jelas, lancar dan berkesan sesuai dengan tujuan, khalayak dan konteks dengan menggunakan sebutan baku dan boleh berinteraksi secara sosial terutamanya tentang hal-hal masyarakat dan negara dengan bertatasusila. Dengan itu, kemahiran lisan selalu dikaitkan dengan kemahiran bertutur.



Berdasarkan maklum balas guru, pelajar kerap kali menghadapi kesukaran menyusun idea-idea mereka untuk menyampaikan respons secara teratur dan sistematik. Setiap idea yang diperoleh harus dipertimbangkan sama ada idea tersebut relevan atau tidak. Tambahan, kesinambungan jawapan tidak kedengaran apabila soalan-soalan lisan diajukan. Dengan penyusunan idea-idea kurang teratur, pelajar mula rasa keliru dengan apa yang diperbualkan dan ini menjejaskan keupayaan mereka untuk mengembangkan isi dengan yakin.

Pendekatan IPCK (Isi Utama, Penjelasan, Contoh, Kesan) diperkenalkan kepada pelajar Menengah 2 secara bertahap bermula dengan Isi Utama, Penjelasan, Contoh dan akhirnya Kesan. Pendekatan IPCK ini serupa dengan pendekatan PEEL yang pernah dipelajari dalam subjek Bahasa Inggeris, Tetapi, terdapat beberapa perubahan agar ia mudah untuk pelajar gunakan mengikut kesesuaian soalan lisan yang diajukan kepada mereka. Pendekatan IPCK ini dapat membantu dan menyokong pembelajaran pelajar dalam kemahiran bertutur terutama komponen perbualan lisan. IPCK memudahkan pelajar mengingat satu strategi khusus yang boleh digunakan ketika menjawab soalan-soalan perbualan lisan.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meninjau keberkesanan IPCK dalam membantu pelajar menyusun idea secara kreatif dan sistematik dalam lisan; dan
2. meningkatkan keupayaan pelajar bertutur dengan menggunakan pendekatan IPCK.

## KAJIAN LEPAS

Menurut Singh (2016), Bueno, Madrid dan McLaren ada mengatakan bahawa kemahiran bertutur merupakan salah satu kemahiran yang sukar yang perlu pelajar hadapi. Tambahnya lagi, bertutur merupakan *reproductive skills* yang menuntut pelajar berfikir secara kreatif untuk menghasilkan sesuatu yang berbentuk ucapan.



Manakala, Ritchhart, Mark Church, Karin Morrison (2011), berpendapat bahawa, *“Thinking doesn’t happen in a lockstep, sequential manner, systematically, progressing from one level to the next. It is much messier, complex, dynamic and interconnected than that. Thinking is intricately connected to content; and for every type or act of thinking, we can discern levels or performance.”* Ternyata proses pemikiran yang dijelaskan oleh Ritchhart et al. (2011) sangat kompleks dan rumit. Ini disokong oleh Ahmed, Pollitt dan Rose (1999), bahawa terdapat pelbagai proses kognitif yang berlaku dalam fikiran pelajar ketika mereka menjawab soalan lisan.

Chamot (2004) yang pernah bekerja dengan pelajar yang mengambil Bahasa Kedua mempunyai tanggapan bahawa mereka yang mempunyai dan menggunakan strategi ketika mengalami kesukaran dalam pembelajaran akan mendapat pencapaian yang lebih baik daripada mereka yang tidak mempunyai strategi pembelajaran.

Ini disokong oleh Goldman dan Rakestraw (2000) bahawa memahami sesebuah konsep dapat membantu pelajar memahami dengan lebih cepat dan cekap serta mengembangkan gambaran mental yang berstruktur dengan baik mengenai kandungan yang dipelajari.

Dengan itu, jelaslah bahawa pelajar memerlukan sebuah strategi yang berstruktur untuk mengatur dan menyusun idea mereka. Mereka juga akan lebih yakin dan bersedia untuk memberikan respons apabila diajukan soalan lisan.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini menggunakan markah praujian (Penilaian Semestral 1) dan pascaujian (Penilaian Semestral 2). Markah praujian dan pascaujian digunakan untuk melihat keberkesanan pendekatan IPCK serta sebagai garis panduan untuk menilai tahap keupayaan pelajar. Selain itu, kaedah pengajaran secara eksplisit juga dijalankan menggunakan strategi pengajaran *‘I Do, We Do dan You Do’*. Bahan-bahan yang digunakan termasuk klip video yang bertema, slaid PowerPoint, *Padlet* dan juga lembaran kerja. Dapatan kajian dibentangkan secara kuantitatif.



## Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada pelajar-pelajar Menengah 2 Ekspres (2E), Normal Akademik (2NA) dan Normal Teknikal (2NT) dalam kelas SBB. Jumlah pelajar keseluruhan dalam kelas ini ialah seramai 30 orang. Tahap kebolehan pelajar-pelajar dalam ketiga-tiga kelas ini rencam. Pemilihan subjek kajian ini adalah untuk melihat jika pendekatan IPCK dapat digunakan dengan berkesan oleh pelajar daripada tahap kebolehan yang berbeza-beza.

## Instrumen Kajian

Pelajar-pelajar ini sememangnya mempunyai pengetahuan sedia ada mengenai ujian lisan dan telah didedahkan kepada pelbagai strategi untuk menjawab soalan lisan di sekolah rendah. Namun, kepentingan kajian ini ialah pelajar dapat menyusun idea-idea mereka dengan teratur dan sistematik. Semasa pengajaran IPCK secara berperingkat, alat bantu mengajar seperti lembaran kerja dan *Padlet* digunakan dalam kerja berkumpulan. Data kuantitatif dikumpulkan melalui markah pelajar daripada ujian lisan serta rakaman perbualan lisan pelajar. Pengkaji juga mengumpulkan respons berdasarkan borang maklum balas pascapelajaran oleh pelajar.

## Prosedur Kajian

Dalam proses ini, pelajar didedahkan kepada pengajaran secara bertahap-tahap seperti berikut..

Langkah 1:

Praujian telah dijalankan dengan menggunakan video yang bertema. Guru mendengar rakaman pelajar dan meneliti penyusunan idea-idea mereka apabila menjawab soalan lisan berdasarkan video.

Langkah 2 (*I Do*):

Guru menerangkan IPCK (Isi Utama, Penjelasan, Contoh, Kesan) dan kandungan setiap bahagian. Lembaran kerja disediakan untuk pelajar menulis nota.

Langkah 3 (*We Do*):

Guru memodelkan dan membimbing pelajar dalam mengaplikasikan IPCK dalam soalan lisan. Latihan bagi setiap komponen dilakukan bersama-sama. Guru akan menggunakan video yang bertema sebagai alat bantu. Soalan lisan akan dikupas bersama-sama. Langkah ini memberi pelajar gambaran yang jelas dan apa yang dijangkakan perlu ada dalam respons pada soalan lisan dengan penggunaan pendekatan IPCK.

Langkah 4 (*You Do*):

Latihan di dalam kelas dijalankan. Pelajar melakukan kerja kumpulan. Setiap kumpulan akan diberikan soalan berdasarkan video dan menjawab menggunakan pendekatan IPCK. Kumpulan lain akan memberi komen serta memperbaiki kesalahan atau menambahkan idea-idea jika perlu. Guru akan mendapatkan maklum balas daripada pelajar berkenaan proses pengajaran IPCK.

Dalam kerja kumpulan, guru bertindak sebagai fasilitator yang membimbing pelajar. Setiap pelajar akan memanfaatkan pemahaman serta pengetahuan setiap ahli kumpulan dalam pendekatan IPCK.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Analisis kuantitatif yang dijalankan dalam kajian ini adalah berdasarkan beberapa komponen. Pertama, markah praujian dan pascaujian diambil untuk meneliti sejauh mana pemahaman pelajar sebelum dan selepas pengajaran IPCK. Kedua, borang maklum balas pelajar yang diberikan pada pascapelajaran.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa 40% (12 orang) pelajar Menengah 2 telah menunjukkan peningkatan markah selepas didedahkan pada teknik IPCK. Sebahagian besar pelajar yang menunjukkan peningkatan adalah daripada kumpulan pelajar 2E. Purata markah praujian ialah 22.3 sementara markah pascaujian ialah 23.7. Julat peningkatan markah adalah antara 1 hingga 10 markah.



Walau bagaimanapun, prestasi para pelajar 2NA dan 2NT bagi pascapelajaran menunjukkan penurunan. Pencapaian pelajar 2NA menunjukkan penurunan sebanyak 2.5% manakala pelajar 2NT pula menunjukkan penurunan prestasi sebanyak 13.1%. Hanya 2 orang pelajar sahaja yang menunjukkan peningkatan markah. Julat peningkatan markah adalah antara 1 dan 2 markah.

Analisis transkrip rakaman praujian dan pascaujian daripada 3 orang pelajar juga telah dilakukan. Para pelajar ini dipilih berdasarkan keberkesanan penggunaan teknik IPCK dalam perbualan mereka. Jadual berikut menunjukkan julat markah praujian dan pascaujian.

**Jadual 1: Julat Markah Transkrip Perbualan**

Bil.	Pelajar	Praujian (40m)	Pascaujian (40m)
1	Pelajar 1	17	27
2	Pelajar 2	25	30
3	Pelajar 3	24	27

Penggunaan struktur Idea Utama, Penerangan, Contoh dan Kesan (IPCK) agak jelas dalam perbualan pelajar di peringkat pascaujian berbanding di peringkat praujian. Di peringkat praujian, pelajar memerlukan lebih banyak rangsangan daripada pemeriksa untuk meneruskan perbualan. Pemeriksa perlu bertanyakan soalan-soalan tambahan agar pelajar dapat memberikan penerangan lanjut. Pelajar juga dapat mengembangkan setiap isi utama mereka dengan memberikan contoh-contoh yang lebih spesifik dan relevan.

Namun, penggunaan penanda wacana masih lemah dalam kalangan pelajar. Walaupun aspek penanda wacana amat ditekankan sewaktu proses PdP IPCK, analisis transkrip mendapati bahawa pelajar masih cenderung menggunakan kata hubung seperti 'dan'. Justeru, jawapan bagi setiap soalan dilihat seakan berjela-jela dan ini sedikit sebanyak menjejaskan struktur IPCK.

Satu lagi peningkatan yang dapat dilihat dalam pascaujian ialah respons peribadi pelajar terhadap soalan-soalan yang diberikan. Pada peringkat praujian, pelajar setakat memberikan contoh-contoh yang ringkas. Namun, sewaktu pascaujian, pelajar berupaya memberikan respons peribadi seperti



menyatakan kesan sesuatu perkara itu terhadap diri serta orang-orang di sekeliling mereka. Pelajar juga menyelitkan nilai dan pengajaran untuk mengukuhkan lagi pendapat mereka.

Dengan penggunaan IPCK, tahap keyakinan pelajar juga meningkat. Hal ini mungkin disebabkan pelajar lebih memahami urutan IPCK yang harus diaplikasikan dalam jawapan mereka. Natijahnya, mereka dapat mengembangkan pandangan mereka dengan lebih jelas dan koheren.

Dapatan pascapelajaran turut mencerminkan dapatan kuantitatif. Rajah berikut menunjukkan maklum balas pelajar setelah pengajaran dilakukan.

**Jadual 2: Dapatan Maklum Balas Pelajar**

Soalan	Sangat Setuju	Setuju	Kurang Setuju	Tidak Setuju
Teknik IPCK membantu saya menyusun idea dengan lebih baik.	16%	72%	8%	4%
Teknik IPCK mudah untuk difahami.	20%	72%	0	8%
Teknik IPCK boleh digunakan dalam penulisan e-mel.	52%	44%	0	1%
Saya lebih yakin menggunakan teknik IPCK selepas pengajaran guru.	20.8%	70.8%	4.2%	4.2%

Data yang diperolehi menunjukkan bahawa sebanyak 72% pelajar setuju bahawa pendekatan IPCK mudah difahami dan membantu mereka dalam menyusun idea dengan lebih baik. 70.8% pelajar juga mempunyai keyakinan diri untuk menggunakan pendekatan IPCK selepas pengajaran guru. Selain itu, sebanyak 52% pelajar sangat setuju bahawa pendekatan IPCK bukan sahaja boleh digunakan untuk lisan malah dalam penulisan e-mel juga.

## KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan IPCK dapat membantu pelajar menyusun idea mereka dengan teratur dan sistematik. Di samping itu, dengan mengaplikasikannya dalam lisan, pelajar juga lebih yakin untuk memberikan respons yang lebih komprehensif.





Walau bagaimanapun, terdapat beberapa hambatan yang dihadapi oleh pelajar. Ini termasuk kekeliruan dan ketidakpastian tentang penggunaan bahagian-bahagian dalam IPCK seperti perbezaan antara P (Penjelasan) dengan K (Kesan). Namun, terdapat juga faktor-faktor luaran seperti suasana ujian, perasaan tertekan dan gemuruh ketika menjawab yang menghambat prestasi sesetengah pelajar sekali gus menjejaskan keberkesannya.

Oleh itu, untuk memperbaiki kajian ini, struktur IPCK boleh ditambahkan lagi dengan beberapa soalan panduan yang bertindak sebagai perancah ataupun *scaffolding* untuk memudahkan pelajar menyusun dan mengembangkan idea mereka sebelum memberikan respons.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Ernie Jacinta Jamaludin
2. Shariffah Nadhirah Bagal
3. Haniza Abdul Manan

## RUJUKAN

- Ahmed, A., Pollitt, A., & Rose, L. (1999, July). Assessing thinking and understanding: Can oral assessment provide a clearer perspective. In *8th International Conference on Thinking, Edmonton, Canada*.
- Chamot, A. U. (2004). Issues in language learning strategy research and teaching. *Electronic journal of foreign language teaching*, 1(1), 14-26.
- Crandall, J., Jaramillo, A., Olsen, L., & Peyton, J. K. (2002). Using Cognitive Strategies To Develop English Language and Literacy. ERIC Digest.
- Ministry of Education. (2011). *Bahasa Melayu Sukatan Pelajaran 2011 Sekolah menengah*. Dipetik daripada <https://www.moe.gov.sg/docs/default-source/document/education/syllabuses/mother-tongue-languages/files/malay-secondary-2011.pdf>

Ritchhart, R., Church, M., & Morrison, K. (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. John Wiley & Sons.

Singh, S. (2016). Developing speaking skill in English through activity based learning. *International Education and Research Journal*, 2(7), 107-108.

